

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN
(JULAU)**

SOALAN NO. 241

Minta **MENTERI PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing *Foreign Direct Investment* di Malaysia dari tahun 2015 hingga 2018, dan apakah perancangan Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Malaysia pada tahun 2019.

JAWAPAN

1. Jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor pengilangan bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti berikut:-

| Sektor | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|
| Pengilangan | 21,941.6 | 27,768.5 | 21,544.7 | 58,022.1 |

2. Pada tahun 2018, nilai pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan meningkat dua kali ganda kepada RM58 bilion berbanding RM21.5 bilion pada tahun 2017. Peningkatan nilai pelaburan asing ini mencerminkan kedudukan negara yang stabil dan mempunyai daya saing yang sihat yang dapat menarik pelabur-pelabur asing.

3. Selaras dengan Kajian Separuh Penggal RMK-11 (2016-2020), Kerajaan akan meneruskan sasaran terhadap tiga (3) subsektor pemangkin industri dan dua (2) subsektor pertumbuhan yang berpotensi tinggi pada tahun 2019:

- tiga (3) subsektor pemangkin berkenaan ialah industri elektrik & elektronik (*Electrical & Electronic - E&E*), jentera dan kelengkapan (*Machinery & Equipment – M&E*) serta kimia dan produk kimia; dan
- dua (2) subsektor pertumbuhan yang berpotensi tinggi ialah industri aeroangkasa dan peralatan perubatan. Subsektor '3+2' ini dipilih kerana kesalinghubungan yang kukuh dengan subsektor lain yang dapat menyokong pembangunan sektor perkilangan secara keseluruhannya.

4. Pada 31 Oktober 2018, Kerajaan telah melancarkan Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 yang dikenali sebagai Industry4WRD untuk tempoh pelaksanaan bermula tahun 2018 hingga 2025. Dasar ini menggariskan 13 strategi meluas yang akan mentransformasikan landskap industri perkilangan masa hadapan. Dasar ini dilancarkan sebagai respons Malaysia kepada revolusi Industri 4.0 yang menghendaki sektor

pembuatan dan perkhidmatan melalui proses transformasi untuk menjadi lebih pintar dan kukuh dengan dipacu oleh tiga faktor utama iaitu manusia, proses dan teknologi. Dasar ini telah menetapkan empat (4) sasaran utama, iaitu:

- (i) Meningkatkan tahap produktiviti sektor pembuatan kepada 30 peratus;
- (ii) Meningkatkan sumbangan sektor berkenaan kepada ekonomi negara daripada RM254 bilion kepada RM392 bilion;
- (iii) Mengukuhkan kapasiti dan kebolehan negara dalam Indeks Inovasi Global dari kedudukan 35, ke 30 ke atas; dan
- (iv) Meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor pembuatan dari 18 ke 35 peratus.

5. Di samping itu, antara langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk datang melabur di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan pelbagai strategi dan insentif sebagai pemangkin penggalakkan pelaburan bernilai tinggi, termasuk yang berasaskan tren mega industri terkini seperti Industri 4.0 dan ekonomi digital.
- (ii) Meneruskan dasar pelaburan yang liberal dan mesra pelabur seperti pemilikan 100% ekuiti asing bagi semua projek dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih serta kebebasan untuk menghantar pulang pelaburan termasuk modal, keuntungan dan dividen;

(iii) Mengkaji semula secara komprehensif dan menambah baik dasar-dasar insentif serta memperkukuhkan kemudahan pelaburan agar lebih menarik dan lebih kompetitif serta mampu bersaing khususnya dengan negara-negara lain di rantau ini;

(iv) Menambahbaik pendekatan ekosistem apabila mensasarkan pelaburan ke dalam negara. Melalui pendekatan komprehensif ini, rangkaian nilai setiap industri diteliti bagi mengenalpasti jurang dalam rangkaian tersebut dan seterusnya menentukan pelaburan yang dapat melengkapi jurang rangkaian tersebut;

(v) meneruskan usaha penggalakan sedia ada menerusi penganjuran misi-misi pelaburan ke luar negara bagi menggalakkan dan menarik pelaburan baharu. Ini termasuklah penganjuran sesi persidangan pembekal-pembekal industri antaranya melibatkan *business matching* untuk memulakan projek usahasama dengan pelabur tempatan; dan

(vi) memanfaatkan Komuniti Ekonomi ASEAN atau *ASEAN Economic Community* (AEC) dan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTAs) untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk pelaburan dan untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik. Malaysia telah menandatangani sebanyak enam (6) *Regional FTA* dan tujuh (7) *Bilateral FTA* setakat tahun 2018. Selain itu, Kerajaan juga akan terus memperkukuhkan hubungan baik dengan World Trade Organisation (WTO) sejak penyertaan Malaysia sebagai ahli WTO untuk memastikan fasilitasi pelaburan langsung asing (FDI) di negara ini terjamin

Sekian, terima kasih.